

17/04/1998

Abu Hassan kemuka laporan kepada PM

SHAH ALAM, Khamis - Datuk Abu Hassan Omar, berkata beliau akan mengemukakan laporan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung tuntutan hotel lebih RM75,000 sepanjang 125 hari beliau menginap di Hotel Radisson ketika kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati di sini, sedang diubahsuai

Beliau berkata, laporan itu akan disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Abdul Aziz Mohd Yusof secepat mungkin.

"Kalau Perdana Menteri minta laporan berhubung tuntutan hotel itu, kita akan hantar dan Pegawai Kewangan Negeri akan sediakan laporan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ibu Pejabat Parti Progresif Penduduk Rakyat Malaysia (PPP) Baru di sini, hari ini.

Turut hadir Presiden PPP Malaysia, Datuk M Kayveas dan Pengerusi PPP, Alex Thiagarasan.

Diminta mengulas siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung isu itu, Abu Hassan berkata: "Saya tidak tahu."

Beliau juga enggan menjelaskan lebih lanjut berhubung perkara itu kerana penjelasan mengenainya sudah dibuat oleh Pegawai Kewangan Negeri pada sidang akhbar di pejabatnya, pagi ini.

(END)